

28/11/1997

MUST ambil pelajar tahun depan

Mohd Feroz Abu Bakar

UNIVERSITI Sains dan Teknologi Malaysia (MUST) akan mengambil pelajar sulungnya pada September tahun depan, kata Timbalan Pengerusi Yayasan MUST Ehsan, Datuk Effendi Norwawi.

Menurutnya buat permulaan MUST akan hanya mengambil 50 pelajar dan jumlah itu dijangka bertambah kepada 350 pelajar pada 2002, seterusnya 5000 pada tahun 2006.

Menurut Effendi, MUST yang diihankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah universiti yang memberi tumpuan kepada penyelidikan lepasan ijazah dalam bidang sains dan teknologi.

"Kurikulum akademiknya sedang digubal selaras dengan bidang keutamaan yang dikenal pasti dalam Pelan Induk Industri Kedua seperti perkilangan lanjutan, bahan lanjutan, bioteknologi, kejuruteraan kimia dan pemprosesan, bidang geoteknikal dan alam sekitar geo.

"Kami (Yayasan MUST Ehsan) mempunyai Perjanjian Kerjasama dengan MIT (Massachusetts Institute of Technology) di Boston untuk merangka kurikulum akademik MUST mengikut tradisi keunggulan MIT.

"MUST akan menggunakan sumber fakulti MIT untuk memimpin rancangan penyelidikan dan bekerjasama dengan sektor swasta," katanya selepas majlis menandatangani Perjanjian Kerjasama Penyelidikan antara Yayasan MUST Ehsan dan Sirim Berhad, di Shah Alam, Selangor, semalam.

Presiden/Ketua Eksekutif Srim Bhd, Dr Mohd Ariffin Aton menandatangani perjanjian itu bagi pihak Sirim Bhd sambil disaksikan oleh Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar yang juga Pengerusi Yayasan MUST Ehsan.

Yayasan MUST Ehsan adalah pertubuhan di bawah naungan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor yang bertanggung jawab mempelopori inisiatif sektor swasta yang ingin memberi peruntukan seperti geran penyelidikan, biasiswa atau penubuhan kerusi di MUST.

Menurut Effendi, untuk tempoh empat hingga lima tahun akan datang, MUST akan beroperasi di Sirim Bhd yang juga akan mengendalikan rancangan ijazah sarjana dan doktor falsafahnya.

Berdasarkan perjanjian lima tahun itu, Sirim Bhd menyediakan kemudahan dewan syarahan, makmal dan bengkel untuk mahasiswa MUST. Penyelidik Sirim Bhd juga akan menyelia pelajar dan penyelidikan yang dijalankan oleh mahasiswa MUST.

Effendi berkata, kerajaan negeri Selangor telah meluluskan tapak seluas 56 hektar di Koridor Industri Utara Selangor di Hulu Bernam sebagai tapak universiti itu.

Kampus MUST yang direkabentuk oleh Ketua Sekolah Senibina MIT, Prof Michael Dennis, berkonsep memajukan integrasi antara mahasiswa dan ahli fakulti dalam suasana bertumpuan akademik dan penyelidikan.

MUST akan mempunyai empat sekolah, iaitu Sekolah Kejuruteraan, Sekolah Sains Biologi dan Kimia, Sekolah Perdagangan dan Pusat Kemanusiaan dan Sains Sosial.

Sementara itu, Dr Ariffin berkata Sirim Bhd telah menubuhkan Sirim Training Services Sdn Bhd pada September lalu untuk melaksanakan program berkaitan dengan kualiti, teknologi dan program pengurusan eksekutif.

"Pada masa depan, kami juga bercadang untuk menceburi bidang pendidikan tinggi di peringkat sijil, diploma, ijazah dan ijazah lanjutan yang berbeza daripada program yang sedia ada dalam pasaran," katanya.

(END)